RAIS: PROJEK FELDA TIDAK JEJAS

DATUK RAIS YATIM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Projek-projek pembangunan tanah di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dijangka tidak akan terjejas dengan langkah-langkah penjimatan kerajaan sekarang.

Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim ketika menjelaskan demikian berkata, ini disebabkan Felda ialah salah sebuah agensi kerajaan yang berfungsi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Bercakap kepada para pemberita selepas mendengar taklimat mengenai kemajuan Felda di Ibu pejabatnya di sini pagi ini, beliau berkata, jika potongan perbelanjaan dikenakan ke atas Felda ia mungkin sedikit sahaja.

"Pemotongan itu tidak akan menjejaskan prestasi Felda kerana ia dibuatbukan ke atas projek-projek utamanya," jelas Menteri itu.

Beliau membayangkan, jika pemotongan perbelanjaan dikenakan ke atas Felda, projek-projek yang mungkin terlibat ialah pembangunan tanah-tanah paya atau di atas bukit.

Projek-projek berkenaan mungkin ditangguhkan buat sementara waktu kerana ia melibatkan perbelanjaan yang besar.

Datuk Rais seterusnya memberitahu, Felda diberi peruntukan $600 juta pada tahun ini daripada sejumlah $2.2 billion yang diperuntukan kepadanya di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Menurutnya, semua agensi-agensi dan badan-badan di bawah Kementeriannya telah mengemukakan syor-syor mereka mengenai pemotongan perbelanjaan.

Peruntukan

Katanya, gambaran jelas mengenai keseluruhan pemotongan itu akan diketahui kelak.

Menteri itu juga berkata, beliau akan menemui kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi membincangkan mengenai pemberian lebih banyak tanah untuk dimajukan di bawah rancangan Felda.

Beliau menambah, sejumlah 1.5 juta ekar tanah telah dan sedang dimajukan oleh Felda.

Katanya lagi, Felda memerlukan lebih banyak kawasan tanah untuk dimajukan.

"Saya berharap menerusi perbincangan dengan Kerajaan Negeri, proses pemberian tanah kepada Felda dapat disegerakan," ujar Datuk Rais.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia